

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (15)

18 Julai 2016
13 Syawal 1437

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 17/2016

HEBAHAN DAN JEMPUTAN MENGHADIRI SYARAHAN PERDANA YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)

Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UTM Bil.13/2016 bertarikh 30 Jun 2016 bersetuju melaksanakan Program Syarahan Perdana oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Sehubungan dengan itu, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) akan menganjurkan Program Syarahan Perdana UTM yang bakal disampaikan oleh **YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** dengan butiran seperti berikut:

Tarikh : 24 Julai 2016 (Ahad)

Masa : 9.15 pagi hingga 12.30 tengah hari

Tempat: Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru


3. Justeru, YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor dan Pengurusan Universiti dengan penuh takzimnya menjemput semua staf dan pelajar Universiti untuk bersama-sama menghadiri dan menjayakan program syarahan perdana ini. Kehadiran staf adalah diwajibkan dan akan direkodkan sebagai mata CPD ke dalam sistem kehadiran UTMSMILE.

4. Dipohon jasa baik dan kerjasama semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Bahagian untuk membuat hebahan jemputan ini kepada semua staf akademik, staf pengurusan dan profesional, staf pelaksana serta pelajar bagi bersama-sama menjayakan program syarahan perdana ini. Maklumat lanjut bagi program ini boleh diperolehi melalui **Urus Setia Program** di talian **07-5537696 / 37731 / 37696**, Seksyen Pembangunan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Bendahari
 - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

No. Siri Dokumen: 20160718100